



GENTING MALAYSIA BERHAD  
(Reg. No. 198001004236)

---

**PRESS RELEASE**

**For Immediate Release**

---

## **Hotel Crockfords Terima Penarafan 5 Bintang Forbes Travel Guide untuk Tahun Kelima Berturut-turut**

**Genting Highlands, 10 Mac 2023**– Hotel Crockfords di Resorts World Genting (RWG) sekali lagi dinobatkan sebagai salah satu hotel bertaraf 5 Bintang paling cemerlang di dunia oleh Forbes Travel Guide, menjadikannya hotel yang memperoleh anugerah berprestij ini untuk lima tahun berturut-turut.

Hotel Crockfords, lambang kemewahan bagi mereka yang suka mengembara, sekali lagi merupakan satu-satunya hotel di Malaysia yang menerima anugerah 5 Bintang yang diiktiraf dan antara 360 hotel di seluruh dunia yang dianugerahkan dengan penghormatan ini. Penghargaan yang sangat diidamkan ini mengesahkan kedudukan Hotel Crockfords sebagai hotel yang memberikan kemewahan dan pengalaman yang tiada tolok bandingnya kepada para tetamu.

Tahun ini, Anugerah Bintang Forbes Travel Guide menyenaraikan 1,376 hotel dari seluruh dunia. Hartanah RWG yang turut tersenarai ialah Hotel Genting Grand dengan 4 Bintang Forbes dan Hotel Highlands sebagai hotel yang disyorkan Forbes. Ini adalah merupakan tahun ke enam kedua-dua hotel ini mengekalkan pengiktirafan masing-masing.

*Forbes Travel Guide* (FTG) mengesahkan kemewahan. Ia adalah satu-satunya sistem penarafan global yang terkenal untuk hotel-hotel mewah, restoran dan spa, dan diiktiraf kerana mewujudkan konsep perkhidmatan 5 Bintang. Dinilai dengan teliti mengikut 900 piawaian yang tepat oleh pakar pemeriksa FTG, hotel mestilah menawarkan perkhidmatan yang luar biasa kepada tetamu untuk melayakkan mereka mendapat penarafan 5 Bintang ini. Antara kriteria tersebut adalah memastikan perkhidmatan yang ditawarkan sentiasa sempurna dan terbaik dengan sentuhan peribadi dan terperinci. Hotel Crockfords mampu memberikan kecemerlangan perkhidmatan yang terbaik melangkaui jangkaan para tetamu.

Hotel Crockfords yang terletak di puncak tanah tinggi yang sejuk di tengah-tengah cahaya terang hab hospitaliti dan hiburan yang terkenal iaitu Resorts World Genting, ialah permata tersembunyi paling megah di Malaysia. Hotel ini adalah lambang kemewahan dan kemegahan dengan dekorasi anggun yang diilhamkan daripada rumah agam London yang mewah. Hotel elegan ini menawarkan pemandangan indah hutan hujan di sekelilingnya dan landskap pergunungan di semua 177 bilik yang terdiri dari 3 Villa, 19 Suite Signature yang menampilkan tiga tema unik, 13 Suite Junior, 111 Bilik Superior dan 31 Bilik Premier. Semua suite di Hotel Crockfords mempunyai mandian wap peribadi di dalam bilik dan lekapan tandas marmar Greek Calacatta yang mewah, direka khusus untuk Crockfords. Teknologi terkini juga dilengkapi di dalam setiap bilik untuk memastikan kemudahan dan keselesaan dengan hanya satu sentuhan butang.

Hotel mewah ini terkenal dengan hidangan Nasi Lemak Udang Karang yang istimewa dan Set Deluxe Dim sum serta mempunyai Suite Hiburan yang lengkap dengan kemudahan hiburan untuk acara peribadi atau sesi karaoke. Kelab Crockfords juga menyediakan persembahan *live music* setiap hari.

Semasa ketibaan, tetamu dialu-alukan oleh butler ke lobi yang luas dan dilengkapi perabot mewah dengan set sofa baldi merah dan hitam, lekapan pokok emas, perabot marmar mewah serta arca dan pameran seni yang mengagumkan dan menonjolkan kelas serta gaya yang tiada tandingan.

Tetapi apa yang membezakan Hotel Crockfords daripada hotel lain ialah layanan profesional yang bertaraf dunia, tersendiri dan sempurna yang tiada bandingannya. Terbenam dalam DNAny, Hotel Crockfords menjanjikan perkhidmatan terbaik dengan sentuhan peribadi oleh kakitangan terlatih yang berpengalaman mengikut keperluan dan keutamaan tetamu.

Dari menawarkan teh halia yang terkenal dengan manfaat kesihatan terutamanya untuk tetamu warga emas hinggalah kepada penyediaan kemudahan permainan kepada kanak-kanak, tetamu dari semua peringkat umur boleh mengharapkan pemerhatian dan komunikasi bermakna daripada setiap staf Hotel Crockfords yang tersedia sepanjang masa.

“Kami amat berbesar hati untuk sekali lagi diiktiraf oleh Forbes Travel Guide sebagai salah satu hotel mewah terbaik di dunia,” kata David Leung Ming Sum, Naib Presiden Operasi Hotel, Genting Malaysia Berhad.

“Hotel Crockfords pada masa ini tiada tandingannya di Malaysia dari segi perkhidmatan yang disusun khas dan layanan mewah. Pengiktirafan terbaharu Anugerah 5 Bintang FTG ini adalah bukti semangat dan dedikasi kami yang tidak berbelah bahagi dalam memberi perkhidmatan yang terbaik. Kami sentiasa berusaha meningkatkan standard global dan memberikan pengalaman unik, bertaraf dunia dan tidak dapat dilupakan dengan standard paling tinggi dalam hospitaliti untuk semua tetamu kami,” tambahnya.

Untuk maklumat lanjut tentang Hotel Crockfords dan perkembangan terkini di Resorts World Genting, sila lawati laman web kami di [rwgenting.com](http://rwgenting.com) dan/atau platform media sosial rasmi kami.

- TAMAT -

**For media enquiries, please contact:**

**Ms Melanie Ong**

Assistant Manager  
Corporate Communications & Public Relations  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6101 1118 ext : 59509  
Email: [melanie.ong@rwgenting.com](mailto:melanie.ong@rwgenting.com)

**Ms Lorehta Doreen Sritheran**

Executive  
Corporate Communications & Public Relations  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9609  
Email: [lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com](mailto:lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com)

**About Genting Malaysia**

Genting Malaysia Berhad (GENM) is one of the leading leisure and hospitality corporations in the world. Listed on Bursa Malaysia, GENM owns and operates major resort properties including Resorts World Genting (RWG) in Malaysia, Resorts World New York City and Resorts World Catskills (which is 49%-owned via an associate company) in the United States (US), Resorts World Bimini in the Bahamas, Resorts World Birmingham and over 30 casinos in the United Kingdom (UK) and Crockfords Cairo in Egypt.

With about 10,500 rooms across seven distinct hotels, RWG is Malaysia's premier integrated resort destination. The resort also features wide-ranging leisure and entertainment facilities, including gaming, theme park and amusement attractions, dining and retail outlets, as well as international shows and business convention facilities. Additionally, Genting Highlands Premium Outlets (a joint venture between Genting Plantations Berhad and Simon Property Group) at the mid-hill and Genting SkyWorlds, a first class, world-class theme park, further complement RWG's extensive premium offerings and exemplifies its position as a leading provider of leisure and entertainment in the region.

GENM is a member of the Genting Group, one of Asia's leading and best-managed multinational companies. The Genting Group is led by Tan Sri Lim KokThay, a visionary entrepreneur who has successfully established the Resorts World brand as a leader in the leisure and hospitality sector in Malaysia, Singapore, the Philippines, the US, the Bahamas and the UK. Tan Sri Lim KokThay also has significant investments in other industries globally including oil palm plantations, property development, power generation, oil and gas and biotechnology.